



SIARAN MEDIA

YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN

LAPORAN LAKSANA KE-13
PELAKSANAAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT
(PRIHATIN) & PELAN JANA SEMUA EKONOMI NEGARA (PENJANA)

14 JULAI 2020

1. Pada minggu ini, **Laporan LAKSANA Ke-13** akan merangkumi 3 perkara:

- a. Pertama, status pencapaian Pakej PRIHATIN;
- b. Kedua, status pelaksanaan PENJANA; dan
- c. Ketiga, ulasan isu semasa.

PRIHATIN MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT

2. **Pertama, Bantuan Prihatin Nasional atau BPN.**

- a. Setakat 13 Julai, jumlah BPN yang telah diagihkan adalah sebanyak RM11.06 bilion (peningkatan daripada RM10.92 bilion minggu lalu) yang melibatkan 10.4 juta penerima (peningkatan daripada 10.24 juta penerima daripada minggu lalu).
- b. Manakala, bagi bayaran kepada kumpulan rayuan melibatkan 160,000 pemohon yang lulus (dengan peruntukan RM139 juta), sebanyak RM121 juta (141,000 penerima) telah berjaya dikreditkan. Selebihnya, penerima yang telah gagal kredit dinasihatkan untuk ke BSN untuk proses bayaran secara tunai.

3. **Kedua, Program i-Lestari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**

- a. Sehingga 13 Julai, sebanyak **4.43 juta permohonan** telah diluluskan dan jumlah pengeluaran kumulatif antara April sehingga Julai adalah sebanyak **RM5.37 bilion**.

- b. Perlu diingatkan bahawa simpanan KWSP, termasuk simpanan Akaun 2, adalah simpanan persaraan untuk masa hadapan. Orang ramai dinasihatkan bertemu **Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS)** yang disediakan oleh KWSP secara percuma bagi membolehkan perancangan simpanan dilakukan. Perkhidmatan percuma ini juga terbuka kepada orang ramai termasuk bukan ahli KWSP.
4. **Ketiga, insentif tunai kepada pemandu teksi, pemandu pelancong, pemandu bas pelancongan dan pemandu bas sekolah.** Sehingga 13 Julai:
- a. **Pemandu teksi:** Kerajaan telah menyalurkan bantuan kepada **29,193 pemandu teksi** berjumlah **RM17.5 juta** buat penerima fasa pertama. Bagi penerima fasa kedua, pembayaran dijangka dibuat pada **17 Julai 2020** dan bakal melibatkan **5,000 pemandu**.
 - b. **Pemandu pelancong:** Bagi pemandu pelancong pula, seramai **7,484 pemandu pelancong** telah menerima bantuan berjumlah **RM4.5 juta**.
 - c. **Pemandu bas pelancongan:** Pembayaran kepada **3,104 bagi pemandu bas pelancongan** akan bermula pada **17 Julai 2020** dan melibatkan peruntukan sebanyak **RM2 juta**.
 - d. **Pemandu bas sekolah:** Bagi inisiatif tambahan, iaitu bantuan kepada pemandu bas sekolah yang dianggarkan melibatkan **30,000 pemandu bas sekolah**. Proses penyaluran bantuan ini dijangka akan dibuat pada **bulan Ogos 2020**.

PRIHATIN MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN

5. **Pertama, Geran Khas Prihatin (GKP) untuk PKS Mikro:**

- a. Setakat 13 Julai, jumlah keseluruhan GKP yang dibayar adalah bernilai lebih kurang **RM1.64 billion** dan ini telah memanfaatkan **545,000 PKS Mikro**. Ini termasuk rayuan yang diluluskan iaitu sebanyak **22,148**. Secara keseluruhan, kadar pencapaian penyaluran GKP adalah **78%**.
- b. Bagi selebihnya penerima yang **berstatus gagal kredit seramai 52,744**, ini disebabkan antara lain kerana memberi maklumat akaun yang tidak tepat. **Bagi penerima GKP yang telah mengemaskini nombor akaun bank**, bayaran ini dijangka akan dibuat pada **20 Julai 2020**.

6. Kedua, Program Subsidi Upah (PSU):

- a. Tujuan PSU ialah untuk membantu majikan yang terkesan akibat COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi biasa berikutan krisis dan mengelakkan para pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan.
- b. Sehingga, 13 Julai sebanyak **RM7.79 bilion** telah **diluluskan** yang memanfaatkan lebih **2.53 juta pekerja**, manakala, **jumlah bayaran** adalah sebanyak **RM6.82 bilion** yang memanfaatkan **2.49 juta pekerja**.

Subsidi Upah Peruntukan: RM13.8 bilion	Jumlah diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Majikan*	Jumlah Pekerja* (juta)
10 Julai	7.79	313,644	2.53
3 Julai	7.15	310,622	2.48
26 Jun	7.07	307,518	2.46
19 Jun	4.89	303,596	2.40
12 Jun	4.08	295,265	2.31
5 Jun	4.00	293,033	2.30
31 Mei	3.22	286,338	2.20
17 Mei	2.24	267,752	2.00
10 Mei	2.10	258,165	1.90
3 Mei	1.90	235,000	1.70
26 April	1.35	195,000	1.50
19 April	1.20	159,000	1.00

*Jumlah kumulatif

7. **Ketiga, Program Bantuan Majikan Covid-19 (e-CAP) KWSP:** Sehingga 13 Julai 2020, sebanyak **39,323** permohonan telah diterima dan daripadanya, **11,370** permohonan telah **diluluskan** bernilai **RM76.1 juta** bagi caruman KWSP majikan.

Bantuan majikan Covid-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)
10 Jul	39,323	11,370	76.1
3 Jul	37,900	10,528	70.4
26 Jun	36,107	9,542	63.9
19 Jun	34,246	8,489	56.8
12 Jun	31,400	7,194	47.9
5 Jun	29,601	6,457	42.9
31 Mei	26,509	5,245	34.8
17 Mei	20,771	3,168	20.6
10 Mei	13,690	2,032	13.4

*Jumlah kumulatif

8. **Keempat**, mengenai **Dana Pinjaman Mudah PKS (SME Soft Loans Funds)** yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia. Sehingga 13 Julai 2020, permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetujuterima oleh PKS adalah **RM9.1bilion**, dan ini akan memanfaatkan **20,545 PKS**. Jumlah ini termasuk dana *Special Relief Facility, Automation & Digitalisation Facility, All-Economic Sector Facility* dan *Agrofood Facility*.

Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetujuterima* (RM bilion)	Jumlah PKS*
10 Jul	9.1	20,545
3 Jul	8.8	20,104
26 Jun	8.4	19,539
19 Jun	8.2	19,253
12 Jun	7.8	18,449
5 Jun	7.5	18,227
31 Mei	6.9	16,833
17 Mei	5.8	14,075
10 Mei	4.7	11,975
3 Mei	3.0	6,840
26 April	1.5	3,636

*Jumlah kumulatif

9. **Kelima**, bagi **Skim Kredit Mikro BSN** dan **TEKUN Nasional** pula, sehingga 13 Julai 2020:
- Di bawah Skim Kredit Mikro BSN, sebanyak **10,264 diluluskan** permohonan dan bernilai **RM344.4 juta**. Dari jumlah yang diluluskan, pembayaran telah dibuat kepada **6,200 PKS** melibatkan jumlah sebanyak **RM223 juta**.
 - Bagi program TEKUN, jumlah permohonan yang diluluskan ialah **25,502** bernilai **RM194.63 juta**. Dari jumlah yang di luluskan, pembayaran telah dibuat kepada **22,989 PKS** melibatkan jumlah sebanyak **RM171 juta**.

PRIHATIN MATLAMAT 3: PERKUKUH EKONOMI.

10. **Moratorium Bayaran Balik Pinjaman Institusi Kewangan**

- Sejak berkuatkuasa pada 1 April 2020 yang lalu, setakat 13 Julai 2020, nilai moratorium tersebut dianggarkan berjumlah **RM55.2 bilion**. Dari angka ini, sebanyak **RM19.3 bilion** adalah jumlah yang dimanfaatkan oleh sektor

perniagaan manakala jumlah yang dimanfaatkan oleh Rakyat bernilai RM35.9 bilion.

11. **Tujuan moratorium adalah untuk memberikan kelegaan bagi Rakyat dan perniagaan yang memerlukan dalam jangka masa 6 bulan.** Dalam masa yang sama, Kerajaan juga melaksanakan langkah-langkah untuk menjana pekerjaan dan meningkatkan kemahiran pekerja. Antara usaha-usaha ini termasuk:
 - a. **Menyokong perniagaan dari segi mengekalkan pekerjaan** melalui Program Subsidi Upah (di bawah Pelan PRIHATIN dan PRIHATIN PKS+) dan Program Subsidi Upah yang ditambahbaik (di bawah Pelan PENJANA)
 - b. **Memberi insentif bagi pengambilan pekerja dan bantuan latihan** (di bawah Pelan PENJANA)
 - c. **Insentif peningkatan kemahiran untuk belia dan penganggur** agar mereka terbela sekurang-kurangnya selama 3 bulan dan kekal berdaya saing apabila pasaran pekerjaan (job market) kembali rancak
12. **Bagi mereka yang masih terkesan diseru untuk segera berbincang dengan institusi bank masing-masing bagi atau Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi mendapat khidmat nasihat.** Bank-bank juga sedang proaktif menghubungi peminjam secara bersasar untuk menawarkan khidmat nasihat bagi bantuan bayaran balik.

PENCAPAIAN PRIHATIN

13. Bagi pemberian tunai secara *one-off* - seperti bantuan kepada pelajar IPT, pemandu e-hailing dan teksi, pesara kerajaan, dan lain-lain - yang melibatkan pembayaran sebanyak **RM14.3 bilion**, tahap pencapaian **pelaksanaan adalah pada kadar yang tinggi iaitu 91%**; dan
14. Bagi inisiatif yang melibatkan pelaksanaan dalam jangka masa antara 3 hingga 6 bulan pula – seperti diskaun bil elektrik, subsidi upah (asal), moratorium, e-CAP KSWP dan lain-lain – yang melibatkan peruntukan sebanyak **RM126.4 bilion**, **pelaksanaan adalah pada tahap 50% (47% minggu lalu)**. Ini adalah kadar yang memberangsangkan memandangkan kita berada pada peringkat pertengahan pelaksanaan langkah-langkah tersebut.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

15. Di bawah PENJANA, inisiatif-inisiatif terbahagi kepada tiga matlamat:
 - a. Memperkasa Rakyat
 - b. Melonjakkan Perniagaan
 - c. Merangsang Ekonomi

PENJANA Matlamat 1 – Memperkasa Rakyat

16. **Pertama**, di bawah program MY30, **setakat 13 Julai 2020, sebanyak 112.5 ribu pas telah dijual** dan subsidi Kerajaan bagi pas-pas MY30 setakat ini bernilai **RM19.13 juta**. **Pas My30** boleh digunakan untuk MRT, LRT, monorel, BRT, Bas RapidKL dan Bas Pengantara MRT.
17. **Kedua**, di bawah program **Penjana Kerjaya PERKESO**, inisiatif menaik taraf **Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara** iaitu **MyFUTUREJobs**. Sehingga 13 Julai, **129,169 kekosongan jawatan** diiklankan, dan **159,591 pencari kerja** di daftarkan melalui inisiatif MYFutureJobs. Antara 15 Jun hingga 10 Julai, seramai **5,300** pencari kerja telah berjaya mendapat pekerjaan.
18. **Ketiga, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan**. Sejak pendaftaran dibuka pada 15 Jun 2020, **sebanyak 2,800 pekerja telah mendapat pekerjaan melalui inisiatif ini iaitu 1,900 (bawah umur 40 tahun), 502 (40 tahun hingga 60 tahun), 22 (OKU), 347 (Perantis)**. Selain insentif yang bakal diperolehi, kelebihan inisiatif ini adalah program latihan dan peningkatan kemahiran bagi membantu belia dan penganggur kekal relevan ketika negara di dalam tempoh pemulihan krisis COVID-19. Majikan diseru menggunakan inisiatif ini untuk mencari dan menggaji pekerja.
19. **Keempat**, insentif menggalakkan pusat asuhan kanak-kanak mengamalkan norma baharu dan pengiktirafan premis: Inisiatif ini termasuk **geran secara one-off sehingga RM5,000 kepada pengendali taska yang berdaftar** di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Selain itu, insentif ini juga akan dipanjangkan kepada tadika yang berdaftar di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
20. **Kelima, Bantuan Sosial bagi Golongan Mudah Terjejas** iaitu bantuan on-off RM300 dijangka bakal disalurkan pada 30 Julai melibatkan kumpulan berikut:
 - a. OKU: Dianggarkan 186,626 penerima (anggaran RM56 juta)
 - b. Ibu tunggal: Dianggarkan 18,805 penerima (anggaran RM5.6 juta)
 - c. Perkhidmatan Bantuan Rumah: Dianggarkan 3,333 penerima (anggaran RM1 juta)
21. **Keenam, sokongan untuk sektor seni, budaya, hiburan, acara, dan pameran bernilai RM190 juta** akan dilancarkan pada **16 Julai 2020** melalui MyCreative Ventures Sdn Bhd dan Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan (*Cultural Economy Development Agency* – CENDANA). Ini adalah dalam bentuk:
 - a. Pinjaman mudah berjumlah RM100 juta;
 - b. Geran untuk industri kreatif, acara dan pameran berjumlah RM30 juta;
 - c. Geran RM10 juta melalui CENDANA; serta

d. Geran Pemasaran Digital dan Promosi yang bernilai RM50 juta.

22. MyCreative Ventures Sdn Bhd juga akan bekerjasama dengan pihak swasta untuk menyediakan latihan dan kesalinghubungan untuk kaedah pengedaran digital and pembangunan model perniagaan baharu dalam norma baharu ini. Permohonan untuk pinjaman atau geran tersebut boleh dibuat melalui laman sesawang MyCreative (<http://www.mycreative.com.my/>) dan CENDANA (<https://www.cendana.com.my/>) mulai 16 Julai 2020.

ULASAN ISU SEMASA

23. Sejak kebelakangan ini terdapat beberapa **kes penipuan melibatkan kerugian wang yang besar**. Antaranya, kes seorang guru wanita yang ditipu melalui *love scam* melibatkan kerugian sebanyak RM112,000 dan seorang persara berumur 90 tahun yang mengalami kerugian sebanyak RM3.83 juta akibat *macau scam*. Sehubungan itu, **orang ramai dinasihatkan untuk lebih peka, jangan mudah panik dan menyelidik sebelum membuat sebarang transaksi kewangan**.
24. Begitu juga sekiranya terdapat **panggilan dari mereka yang menyamar** sebagai 'pihak berkuasa' atau 'agensi kerajaan' yang meminta data peribadi atau pindahan wang bagi mengelakkan 'tindakan undang-undang'. Orang ramai dinasihatkan untuk **menyemak dengan pihak yang berkuasa atau agensi kerajaan berkenaan dahulu untuk mendapat kepastian**.
25. Orang ramai boleh mendapatkan maklumat mengenai taktik-taktik penipuan dan cara-cara melindungi diri daripada laman Facebook Bank Negara Malaysia bertajuk "**Amaran Scam**" (<https://www.facebook.com/amaranpenipuan>). **Bagi mereka yang merasakan telah menjadi mangsa penipuan, sila hubungi BNMTELELINK di talian 1300-88-5465**.
26. **Orang ramai juga perlu peka terhadap laman sesawang dan aplikasi-aplikasi yang tidak pasti kesahihannya yang menggunakan inisiatif dibawah label PRIHATIN atau PENJANA**. Orang ramai disarankan **JANGAN berkongsi maklumat peribadi sensitif seperti nombor akaun bank dan sebagainya tanpa mengesahkan kesahihan** laman sesawang dan aplikasi dari pihak yang terlibat.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Aziz

Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia

14 Julai 2020